

## ISLAM HADHARI DALAM PENDIDIKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN DI MALAYSIA: SATU ANALISA EPISTIMOLOGI

(Islam Hadhari in the Education of Human Capital in Malaysia:  
An Epistemological Analysis)

SITI FATIMAH AHMAD  
MAIMUN AQSHA LUBIS\*

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,  
Selangor, Malaysia

### ABSTRAK

Islam Hadhari adalah pendekatan yang holistik bertujuan untuk memacu umat Islam ke arah kecemerlangan dan mengembalikan kegembilangan Tamadun Islam. Pendekatan Islam Hadhari diterapkan secara menyeluruh dalam agenda Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9). Pendekatan Islam Hadhari bermatlamat untuk melahirkan modal insan bermaklumat dan berilmu. Kesannya secara langsung akan melibatkan struktur sosio-ekonomi, pendidikan, kebudayaan, multi media, usaha penyelidikan dan pembangunan. Strategi yang terancang ini diharap dapat dilakukan bagi membuat perubahan secara berperingkat-peringkat mengikut acuan sistem pendidikan di Malaysia. Islam Hadhari yang diumumkan oleh Perdana Menteri adalah bertepatan dengan masa, di mana kemelut umat Islam yang kini semakin mencabar keimanan individu Muslim dan Islam sebagai satu cara hidup. Semua cabaran dan halangan terhadap pelaksanaan Islam Hadhari memerlukan usaha yang serius dan berterusan bagi memastikan hasil yang benar-benar positif. Kekuatan tamadun dalam Islam Hadhari perlu bergerak seiring dengan pembangunan nilai manusia yang ditunjangi akidah, syariah dan akhlak. Berdasarkan keperluan semasa, Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Kebangsaan Malaysia telah memberi mandat kepada beberapa ahli penyelidik Fakulti Pendidikan untuk membuat kajian dan penilaian ke atas kurikulum dan perisian program j-QAF yang menjadi salah satu agenda utama pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari dalam memperkasa pembangunan modal insan melalui Pendidikan Islam. Kertas kerja ini akan membincangkan aspek-aspek penting berhubung usaha dan program-program yang dirancang melalui Pendekatan Islam

\*Corresponding author: Maimun Aqsha Bin Lubis, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. e-mel: [dragsha@gmail.com](mailto:dragsha@gmail.com)

Diserahkan: 30 Mac 2009

Diterima: 29 Disember 2014

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2015-0701-01>

Hadhari, sebagai memenuhi keperluan bagi penambahbaikan pendidikan pembangunan modal insan dengan hasrat untuk mencapai matlamat Malaysia sebagai negara yang menjadi pemimpin dalam pendidikan bertaraf dunia melalui gagasan Wawasan 2020.

**Kata kunci:** Modal insan; j-QAF; Pendidikan Islam; pendekatan Islam Hadhari

## ***ABSTRACT***

*Islam Hadhari is a complete and comprehensive approach to gear Muslims towards excellence and bring back to the basics of Islamic civilization. Islam Hadhari is the core of the 9<sup>th</sup> Malaysian Plan. The approach in Islam Hadhari aims at developing knowledgeable human capital. This entails the involvement of the socio-economic, education, cultural, information technology, and R&D (research and development) sectors. This planned approach is hoped to bring about change in strategy by taking into consideration the Malaysian education system. Islam Hadhari which was initiated by the Prime Minister is very timely as Islam is facing challenges in promoting Islam as a way of life. Islam Hadhari has the potential of becoming a pathway to control and correct the misconception in the Islamic teachings. All the challenges and obstacles in the implementation of Islamic Hadhari entail a consistent and serious effort to ensure a positive impact. The glorious civilization in Islam Hadhari has to be in tandem with the development of human values which encompass aqidah, syariah and noble values. Based on current issues, the Higher Education Ministry and the National University of Malaysia entrust the Education Faculty of the university to conduct a research to evaluate the j-QAF curriculum and programs in its implementation of Islam Hadhari to promote the development of human capital through Islamic Education. This particular working paper will be discussing important aspects, in relation with the Islam Hadhari's approach, to fulfill the needs of upgrading the educational programs with the objective of enhancing human capital values, as such upholding the nation's vision to become a developed nation as the leading country in world class education through Vision 2020.*

**Keywords:** Human capital; j-QAF; Islamic education; Islam Hadhari approach

## **PENGENALAN**

Melintas kembali sejarah peradaban Islam, peranan pendidikan amat penting dan berjaya dilaksanakan pada era keemasan dan kejayaan Islam. Senario ini dapat disaksikan, di mana pendidikan benar-benar mampu membentuk peradaban manusia sehingga peradaban Islam menjadi peradaban yang paling hadapan dalam mencorakkan bentuk kehidupan di sepanjang Semenanjung Arab, Asia Barat hingga ke Eropah Timur.

Era pemerintahan Islam di Madinah merupakan asas bermulanya kegemilangan umat Islam dan berkembang pesat pada zaman Khulafa' ar-Rasyidin, Bani Umayyah dan menemui zaman keemasan ketika pemerintahan kerajaan Bani Abbasiyyah di bawah pimpinan Khalifah Harun ar-Rasyid dalam pembangunan dan pengukuhan ilmu dan Khalifah al-Makmun yang dianggap zaman kemuncak dalam pembangunan pemikiran budaya dan ilmu pengetahuan. Kemudian ia bertapak di benua Eropah yang menyumbang kepada kegemilangan tamadun Islam di Andalusia (Dusuki Ahmad 1987; Jayaudin 1995; Mahayudin 2000; Maimun Aqsha 2007). Ketamadunan Islam yang berbentuk sejagat membawa manfaat dan rahmat kepada seluruh umat dan alam.

Namun begitu, setelah kemunduran dan keruntuhan kerajaan Islam di Baghdad pada tahun 1258M seiring dengan kebangkitan (*renaissance*) di Eropah, di mana mereka mengalami kemajuan hingga kini. Sebaliknya imej umat Islam di kaca mata dunia pula, banyak dikaitkan dengan kelemahan dan kemunduran (Mahayudin 2000). Hal ini dipersejutui oleh al-Qarashi (2003) di mana pendidikan dalam dunia Islam pun ikut mengalami kemunduran dan kebekuan sehingga pendidikan tidak lagi mampu membina sebuah ummah yang maju sebagaimana menurut Fazlur Rahman “pendidikan menjadi tidak lebih dari sekadar untuk mempertahankan dan melestarikan nilai-nilai tradisional dari ancaman serangan gagasan barat yang dianggap cuba untuk meruntuh tradisi Islam, terutama standard moral Islam.” Dengan itu, pendidikan tidak lagi mampu menjadi kekuatan intelektual yang membina semula paradigma ummah melalui penjelasan secara berterusan dalam berbagai disiplin ilmu yang sesuai dengan perkembangan zaman.

Dalam konteks negara Malaysia, menurut Sidek Baba (2006) pembangunan ilmu dan pendidikan menjadi matlamat dalam dasar pendidikannya sejak merdeka. Sekitar tahun 80an, pengilmuan dan pendidikan di Malaysia menempa orientasi baru di mana faktor pendidikan agama menjadi faktor yang penting dan pendekatan sepadau dalam pendidikan menjadi asas utama membangunkan peribadi modal insan yang komprehensif.

## **PENDEKATAN ISLAM HADHARI DARI PERSPEKTIF GAGASAN MASA DEPAN**

Perlembagaan Persekutuan Perkara 3(1) menyebut bahawa “Islam adalah agama bagi persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”. Justeru, dari semasa ke semasa pihak kerajaan telah memperkenalkan beberapa dasar dan pendekatan berdasarkan nilai-nilai dalam ajaran Islam yang bersifat universal untuk manfaat seluruh rakyat dan negara. Pada tahun 1985, Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam (DPNI) dalam Sektor Perkhidmatan Awam. Manakala pada 23 September 2004, Kerajaan melancarkan Pendekatan Islam Hadhari (JAKIM 2008). Justeru itu, Pendekatan Islam Hadhari adalah kesinambungan kepada dasar penerapan nilai-nilai Islam.

Hal ini dijelaskan dengan lanjut oleh Mohd. Kamil et. al (2008), selepas kemenangan kerajaan dalam pilihan raya pada tahun 2004, slogan dan dasar Islam yang mirip kepada dasar Islamisasi ini telah ditimbulkan dengan nama Islam Hadhari yang cuba memperkuatkan dasar-dasar lama dengan pendekatan baru seperti penerapan nilai-nilai Islam, pembaikian terhadap sistem perundungan negara yang bersesuaian dengan prinsip-prinsip Islam, penggubalan dasar pendidikan negara yang sesuai dengan semangat Islam dan penubuhan pelbagai institusi keislaman dalam bentuk baru. Dasar-dasar lama yang diberi nafas baru ini akan diterap melalui elemen proaktif menerusi Pendekatan Islam Hadhari bagi melahirkan tamadun Malaysia yang lebih berteraskan nilai-nilai Islam sebagai satu usaha menonjolkan keunggulan dan keindahan ajaran Islam.

Pendekatan Islam Hadhari menurut JAKIM (2008) adalah satu misi ke arah pembangunan insan, masyarakat dan negara Malaysia yang bersifat holistik berdasarkan perspektif tamadun Islam bagi mencapai Wawasan 2020. Melalui Pendekatan Islam Hadhari, pelbagai agenda pembangunan telah dirangka dan diselaraskan dengan tuntutan Islam melalui pendekatan seimbang dalam aspek rohani, ekonomi, pendidikan, kemasyarakatan dan sebagainya. Pendekatan ini juga membangkitkan kesedaran baru kepada masyarakat untuk membangunkan ummah dan negara yang bersifat realistik berdasarkan 10 Prinsip Pendekatan Islam Hadhari yang telah ditetapkan.

Ahmad Zahid (2008) berpendapat bahawa konsep Pendekatan Islam Hadhari adalah berasaskan kepada tamadun atau ajaran Islam yang menekankan aspek kemajuan di dalam usaha meningkatkan kehidupan ummah supaya lebih maju dan sempurna. Pendekatan Islam Hadhari merupakan satu pendekatan anjakan paradigma untuk mengubah persepsi ummah terhadap ajaran Islam tanpa mengurangkan prinsip akidah dan syariah. Perkara yang ingin diperbetulkan ialah mengenai cara umat Islam memahami dan mengamalkan ajarannya.

Apa yang jelas, Islam membangunkan insan yang berada dalam ummah terlebih dahulu sebelum pembangunan urusan ummah. Untuk membangunkan sesuatu ummah, kepimpinan ummah tersebut perlu mengetahui gagasan yang ingin dicapai. Setiap pemimpin mempunyai gagasan tersendiri dalam membangun kepimpinan mereka. Menurut Mohd Yusof (2006) lebih besar sesebuah organisasi, lebih hebatlah gagasan mereka untuk membangun negara dan ummah. Para Nabi dan Rasul juga mempunyai gagasan dalam membangun ummah yang dibimbing sendiri oleh Allah SWT. Begitu juga dengan kepimpinan Khulafa’ar-Rasyidin, setiap mereka mempunyai gagasan tersendiri dalam membangun ummah di samping berhadapan dengan pelbagai tantangan masyarakat dalam merealisasikan kepimpinan mereka. Tidak terlepas juga, kepimpinan dari para ilmuan besar Islam seperti al-Ghazali, Muhammad Iqbal, Hassan al-Banna, al-Maududi, Syed Qutb dan Yusof al-Qaradawi, masing-masing mempunyai gagasan untuk membangun ummah melalui pendekatan yang berbeza dan dikritik oleh masyarakat, tetapi mereka masih berada dalam acuan Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Pendekatan mereka berbeza kerana mereka berhadapan dengan isu dan cabaran ummah yang berbeza juga dalam suasana yang berbeza.

Berhubung Gagasan Islam Hadhari tersebut, Mohd Yusuf (2008) memberiuraian bahawa Pendekatan Islam Hadhari tidak menolak pentingnya aspek ritual dalam pembinaan tamadun. Ini kerana pandangan hidup, sistem nilai, kestabilan jiwa dan kemajuan rohaniah merupakan tonggak kepada pembinaan tamadun yang luhur. Ini bererti Gagasan Islam Hadhari adalah satu pendekatan yang berusaha untuk membangunkan peradaban manusia menerusi perspektif Islam khususnya di Malaysia, secara menyeluruh dan bersepada. Oleh kerana perspektif Islam digunakan dalam konsep pembangunan dalam Gagasan Islam Hadhari, maka pembangunan tersebut mestilah merangkumi pembangunan roh, qalb, nafsu, akal dan jasad sebagaimana yang diajukan oleh ajaran Islam dalam konteks pembangunan modal insan.

Oleh yang demikian, Gagasan Islam Hadhari berusaha meletakkan kedudukan ilmu pengetahuan dan usaha-usaha pencambahan pemikiran di tempat yang tinggi dan umat Islam perlu menjadi peneraju ke arah perubahan pemikiran ini supaya dapat keluar dari unsur-unsur yang membelenggu umat Islam dengan nilai-nilai negatif yang menjadikan mereka mundur dan jauh ketinggalan.

## **PENDIDIKAN SEBAGAI PROSES PERUBAHAN HIDUP**

Pendidikan dan manusia mempunyai hubungan yang akrab. Tidak boleh dipisahkan. Pendidikan adalah usaha mencelikkan manusia untuk membangun kualiti diri secara perseorangan atau berkumpulan. Pendidikan juga merupakan kekuatan manusia untuk memanusiakan diri dengan akal bagi membezakannya dengan makhluk lain. Menurut Abdul Fatah (2007), pendidikan bermula dengan kewujudan manusia iaitu sejak nabi Adam a.s sebagai guru pertama yang mendidik manusia menuju kebenaran berlandaskan panduan dari Allah SWT.

Pendidikan menjadi agenda penting dalam proses perubahan manusia. Uniknya perubahan itu menjadi proses yang mencabar keupayaan manusia. Sememangnya, proses pendidikan ini akan berterusan bagi membentuk pembangunan insaniah yang sentiasa berkembang maju. Selain dari itu, pendidikan juga diperoleh berlandaskan pengalaman sedia ada. Menurut Jamal Badawiy, pendidikan atau tarbiah adalah berdasarkan kaedah langkah demi langkah dalam mencapai kesempurnaan (Maimun Aqsha 2007). Melalui pengalaman, manusia mendapat pendidikan untuk meneruskan pencarian dalam proses peningkatan diri secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, al-Attas dalam Wan Mohd. Nor (2005) menjelaskan bahawa tujuan pendidikan menurut Islam bukan sekadar untuk menghasilkan negara dan pekerja yang baik, malahan untuk menciptakan manusia yang baik.

Pendidikan Islam adalah proses berterusan untuk merubah, melatih dan mendidik akal, jasmani dan rohani manusia dengan nilai-nilai Islam yang bersumberkan wahyu dan al-Sunah di samping integrasi disiplin ilmu akal berteraskan aqidah. Menurut al-Attas,

pendidikan adalah proses mengadabkan insan atau insan adabi (Sidek Baba 2006; Wan Mohd. Nor 2005). Beliau menjelaskan lagi bahawa pendidikan tersebut adalah penitisan, penyemaian dan penanaman adab dalam diri seseorang.

Mengilmukan manusia merupakan proses pendidikan. Sufean Hussin (2004) menjelaskan bahawa pengilmuan manusia bertujuan untuk mendapat rahmat bukan sahaja untuk menghidupkan diri tetapi juga untuk sedar kendiri dalam membezakan yang hak atau batil, salah atau palsu yang menutupi hijab rohaniah. Menurut Ibnu Khaldun dalam al-Na'miy (1994) telah meletakkan tugas belajar dalam kehidupan seseorang Islam kepada beberapa aspek iaitu sebagai menunaikan tugas keagamaan, tugas akal dan pemikiran, tugas kemasyarakatan dan pekerjaan; dan tugas pendidikan moden.

Secara umum sudah dimaklumi bahawa skop pendidikan Islam adalah luas dan menyeluruh, tidak hanya tertumpu kepada pembinaan otak semata-mata tetapi mencakupi pendidikan tauhid, akal, kesihatan, emosi, sosial, akhlak dan akidah yang bertujuan untuk melahirkan individu Muslim yang menyeluruh dan seimbang untuk hidup bahagia di dunia dan akhirat (Maimun Aqsha 2008a).

Hakikatnya, pendidikan dalam proses kehidupan manusia akan berlaku secara berterusan, tidak dibatasi masa, berlaku secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan dan tahap penerimaan seseorang bagi memperbaiki kehidupan dan mewujudkan keseimbangan sahsiah seseorang insan berlandaskan ciri-ciri keimanan, akhlak dan ilmu pengetahuan. Tanpa ciri-ciri ini, pendidikan tidak memberi makna yang sewajarnya kerana ciri-ciri tersebut merupakan landasan untuk kejayaan dalam kehidupan di dunia dan akhirat.

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Proses bina insan dalam pengilmuan dan pendidikan memerlukan pembangunan modal insan yang menyeluruh. Ia perlu dibangunkan supaya matlamat membina tamadun dapat dilakukan secara sistematik. Al-Qaradawi (1998) dan Ibnu Khaldun (al-Na'miy 1994) menegaskan bahawa manusia sebagai insan yang disempurnakan sifatnya dengan akal, potensi diri dan kemahiran bertujuan untuk memahami, menguasai ilmu dan menonjolkan keupayaan seseorang serta mampu untuk meneroka kehidupannya dan menjauhkan mara bahaya dari menimpanya. Dengan aset tersebut, manusia mampu mengurus bumi Allah SWT sebagai khalifah yang diamanah untuk mengelakkan kemakmuran alam sejagat (al-Baqarah 2: 30-31).

Tajul Ariffin dan Nor'aini (2002) menjelaskan manusia yang bertaqwah dan mengagumi Tuhan mereka, hanyalah mereka yang berilmu pengetahuan. Manusia disempurnakan sifatnya dengan anugerah akal, potensi pembelajaran dan kemahiran untuk memahami dan menguasai ilmu. Mereka mampu memikul tanggungjawab mengurus dan

mentadbir alam dengan ilmu yang dipelajari untuk dilaksanakan (al-Isra' 17: 106-109; al-Rahman 55: 3-4).

Menurut Khalijah Mohd. Salleh (2007), pembangunan bermaksud bangkit, berdiri atau pembinaan. Modal adalah sesuatu yang diperlukan untuk urusan jual beli dan pelaburan atau harta, sumber dan kekayaan. Insan bermakna manusia yang merupakan harta negara dan sumber tenaga. Tesisnya bermaksud modal insan adalah harta negara yang boleh dilabur dan dimanfaatkan bagi urusan ‘jual beli’. Ia merujuk kepada proses membangun dan menggerakkan sumber manusia yang mampu menyumbang secara aktif kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara.

Pemahaman tentang modal insan menurut perspektif Malaysia semasa, dapat dimengertikan secara jelasnya melalui ucapan Perutusan Hari Pekerja pada 1 Mei 2006 oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam Ishak (2009) yang menegaskan perihal pentingnya modal insan:

“Modal insan yang berkualiti adalah satu kemestian, bukan lagi satu kemewahan. Pendidikan dan latihan kemahiran berkualiti yang berterusan juga akan memastikan modal insan negara kekal relevan dengan kehendak industri dan pasaran serta mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan antarabangsa yang kian meningkat”.

Perutusan tersebut selari dengan apa yang dinyatakan oleh Mohd. Kamil et. al (2008) bahawa pembentukan manusia adalah agen terpenting dalam pembentukan modal insan bagi menjayakan sesuatu proses pembangunan negara. Ianya dirujuk kepada keupayaan dan kemampuan seseorang insan atau warganegara Malaysia dari segi kognitif 'pemikiran atau pengetahuan', afektif 'sikap' dan psikomotor 'kemahiran'.

Ketiga-tiga elemen tersebut bermaksud penggunaan akal fikiran yang bermutu tinggi yang berhubung kait dengan tiga domain penting yang dimiliki oleh manusia menurut ajaran Islam iaitu roh, akal (Gamal Abdul Nasir 2003) dan jasad (Mohd. Kamil et. al 2008). Al-Ghazali berpendapat bahawa proses untuk menghasilkan ilmu hendaklah melalui empat unsur iaitu akal, hati, roh dan nafsu (Abdul Salam 2003). Hal ini dapat dirujuk daripada beberapa ayat al-Quran antaranya surah al-An'am (6: 2); al-Hijr (15: 28-31); al-Mukminun (23: 12-16); dan al-Sad (38: 71-74).

Menurut Ishak (2009) pembangunan modal insan meletakkan ilmu sebagai ciri utama yang perlu ditekan dalam melaksana dan merealisasi satu sistem pendidikan yang holistik, progresif, bermoral dan bertaraf dunia. Hal ini selaras dengan agama Islam yang meletakkan ilmu di tempat yang paling tinggi darjatnya dan berkehendakkan manusia supaya menuntut ilmu sebagai bekal kehidupan di dunia dan akhirat.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa membentuk modal insan yang berdaya maju dan mempunyai semangat juang yang tinggi

agar dapat bersaing di persada antarabangsa memerlukan kekuatan rohani dan jasmani yang dilandasi dengan kepintaran akal fikiran. Golongan ini disebut di dalam al-Quran sebagai *Ulul al-Bab* iaitu orang-orang yang menggunakan akalnya dalam mencari hikmah di sebalik kehidupan ini.

Gambaran *Ulul al-Bab* dalam al-Quran disebut lebih kurang 16 kali, antaranya surah al-Baqarah (2: 260, 269); Al ‘Imran (3: 190); al-Sad (38:29) dan al-Zumar (39: 21). Pengulangan ini menunjuk peri pentingnya akal kepada manusia untuk mendidik diri menjadi manusia berilmu, rasional dalam menyelesaikan masalah dan mengurus diri.

Membicarakan tentang *Ulul al-Bab*, Abdullah Md. Zin (2007) menjelaskan bahawa *Ulul al-Bab* mengikut perspektif ilmu tafsir bermaksud orang-orang yang berakal, berfikiran mantap dan sempurna serta memiliki ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Golongan ini dirujuk kepada mereka yang mahu berfikir, menaakul, memerhati, mengkaji, meneliti, memahami dan berusaha untuk menghayati segala ilmu yang diperoleh bagi manfaat diri dan ummah sejagat. Semua kenyataan yang merujuk kepada mereka pastinya menjadikan pengetahuan sebagai cara mendidik diri untuk maju dan mampu menangani segala cabaran.

Pendapat di atas dipersetujui oleh Sidek Baba (2006) di mana konsep *Ulul al-Bab* adalah tunjang kepada upaya berfikir, memerhati dan meneliti. Proses penaakulan harus berlaku dan pendekatan *tadabbur* sewajarnya menjadi landasan mengembangkan pemikiran ummah dengan menguasai ilmu-ilmu perbandingan yang bermanfaat dan menampilkan ilmu-ilmu yang berdasarkan sumber-sumber al-Quran dan al-Sunnah supaya ia relevan dengan zaman yang dilaluinya.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa pembangunan modal insan yang berjaya telah dan pernah direalisasikan melalui sirah Nabi SAW dalam membentuk ummah dan negara baru pada awal perkembangan Islam yang dimulai dengan revolusi ilmu. Melalui revolusi ini akan membentuk reformasi dalam pendidikan yang memancangkan cara berfikir, tingkah laku, akhlak, hukum agama, undang-undang dan aturan hidup sehingga apabila berkomunikasi dengan orang lain, seseorang itu sudah mempunyai bekal aqidah dan akhlak. Ini membatasinya daripada melakukan perkara yang tidak sesuai dengan fitrah kemanusiaan dan lunas-lunas agama.

## **STRATEGI DAN PELAKSANAAN PENDIDIKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN DI MALAYSIA**

Strategi-strategi pembangunan modal insan menurut Abdullah Md. Zain (2007) telah digubal berdasarkan kepada ciri-ciri dan nilai-nilai yang terdapat dalam 10 Prinsip Islam Hadhari, antaranya memperbetulkan dan memperkasa pengetahuan umat Islam tentang *Tasawwur Islam*, memperkasa ketakwaan dan keimanan umat Islam, mempertingkat usaha-usaha penguasaan ilmu secara meluas, berterusan dan bersepada antara ilmu fardu ain dan fardhu kifayah, melahirkan lebih ramai golongan ilmuwan atau pakar dalam pelbagai bidang

dan menggunakan sepenuhnya kepakaran warga Malaysia untuk pembangunan negara, menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan ilmu dalam semua bidang, memperbanyakkan hasil kajian baru yang boleh dimanfaatkan oleh seluruh manusia, memperluaskan hasil-hasil penyelidikan kepada produk-produk ekonomi yang boleh dimanfaatkan kepada ummah dan menonjolkan peranan ilmuwan dan sumbangan mereka kepada pembangunan ummah serta berusaha menjadikan mereka sebagai rol model dalam masyarakat bertamadun.

Menurut beliau lagi, dalam memperkasa pendidikan Islam melalui pendekatan Islam Hadhari, beberapa program dan perancangan yang menjurus ke arah pendidikan berkualiti bagi melahirkan modal insan bertakwa, berakhhlak mulia dan mahir dalam ilmu akal di samping menguasai bidang al-Quran telah dirancang dan dilaksanakan. Pelaksanaan ini adalah bertujuan untuk membangun jiwa dan jasad agar generasi *Ulul al-Bab* mendapat bimbingan, pimpinan dalam membezakan yang benar atau salah. Antara program yang dilaksanakan adalah Khatam al-Quran, Asas Bahasa Arab dan Fardu Ain (KAFA), Jawi, Khatam al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain (j-QAF), Kelas al-Quran dan Fardu Ain, Dwi Pengkhususan, Program Persijilan Tahfiz al-Quran Kerjasama JAKIM - UIAM dan Kurikulum Pendidikan Kebangsaan.

Program j-QAF adalah antara usaha memperkasa Pendidikan Islam dalam Pelaksanaan Kurikulum Semakan Pendidikan Islam. Menurut Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral , program j-QAF adalah merupakan idea Perdana Menteri Malaysia Kelima Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi ketika membuat lawatan ke pejabat Kementerian Pendidikan Malaysia pada 30 Disember 2003. Cetusan idea ini telah diperhalusi di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia melalui satu seminar j-QAF pada 3 hingga 5 Mac 2004 dan mula dilaksanakan pada Februari 2005 (KPM 2006a).

Menurut Abdul Rafiee Mahat, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, kurikulum persekolahan kebangsaan mendukung hasrat murni negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi masa kini dan akan datang. Pelaksanaan cita-cita murni ini diteruskan dengan pelbagai usaha dan cara, antaranya penyemakan kurikulum baru KBSR dan KBSM. Tujuan penyemakan ini adalah untuk memantapkan Akta Pendidikan (KPM 2006b), memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang telah disuratkan sebagai dasar kepada sistem pendidikan di Malaysia (Tajul Ariffin dan Nor'aini 2002) dan mempersiapkan murid dengan cabaran-cabaran semasa dan akan datang pada abad ke-21.

Dalam usaha untuk meningkatkan penambahbaikan terhadap pelaksanaan program j-QAF yang menjadi sebahagian daripada agenda Pendekatan Islam Hadhari dalam pembangunan modal insan di Malaysia, pelbagai kajian secara aktif telah dijalankan oleh pelbagai pihak untuk menilai keberkesanannya program tersebut antaranya; kajian yang dilakukan kumpulan projek Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama daripada Kementerian Pengajian Tinggi untuk menjalankan satu penyelidikan yang bertajuk “Penilaian Kurikulum j-Qaf Di Sekolah Kebangsaan Dan Pembangunan

Model Pengajaran Dan Pembelajaran j-Qaf Yang Berkesan” (Maimun Aqsha 2008b). Selain daripada itu, Universiti Kebangsaan Malaysia melalui Geran Universiti Penyelidikan (GUP) telah mempertanggungjawabkan beberapa ahli penyelidik Fakulti Pendidikan untuk membuat penyelidikan berkenaan “Pembangunan Perisian Kurikulum Program j-QAF”. Penyelidikan ini bermula pada 1 Januari 2008 dan akan berakhir pada 31 Disember 2009 (Maimun Aqsha 2009).

Berdasarkan kepada strategi yang baik dan pelaksanaan yang bersepadan dan terancang, diharap negara akan mampu untuk melahirkan generasi *Ulul al-Bab* yang merupakan modal insan yang amat bernilai dan menjadi salah satu teras utama pembangunan negara bagi mencapai hasrat Wawasan 2020.

## **INTEGRASI ISLAM HADHARI DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

Pembangunan insan menurut Islam, tersimpul dalam kewujudan dan peranan manusia itu sendiri. Ia diwujudkan dengan dua dimensi iaitu rohani dan jasmani. Abu Bakar (2005) menjelaskan bahawa manusia telah diberi pilihan untuk memilih perkara yang baik atau sebaliknya. Jika manusia dididik dengan proses yang baik dan betul menurut keredaan Allah SWT, maka manusia itu berhak mendapat ganjaran daripada Allah SWT dan terbukalah jalan untuknya menuju kepada tahap *muhsin*, *mukmin* dan *muttaqin*. Sebaliknya, jika salah proses didikan tersebut, maka tergolonglah manusia itu pada tahap *zalim*, *fasiq*, *munafik* dan *kafir*.

Merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari Di Agensi-agensi Kerajaan (JAKIM 2007) menjelaskan bahawa Pendekatan Islam Hadhari memberi penekanan kepada aspek pembangunan yang menjurus kepada pembangunan peradaban yang memberi fokus kepada usaha mempertingkat mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan dan pembangunan fizikal. Ia diperkenalkan dengan harapan untuk membangunkan ummah dan negara berasaskan pendekatan ketamadunan Islam yang telah terbukti memberi rahmat dan kebahagiaan kepada seluruh masyarakat, tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

Dalam konteks pemerintahan di Malaysia, sebagaimana yang dijelaskan oleh Mohd. Kamil et. al (2008), pihak kerajaan Malaysia telah memilih untuk menjalankan program pembangunan yang lebih bersifat bersepadan berdasarkan perspektif Islam dan mengikut acuan Malaysia. Hal ini boleh dirujuk kepada penerapan program pembangunan insan di Malaysia. Menurut Mohd. Yusof (2006), untuk merealisasikan skop atau gagasan Pendekatan Islam Hadhari, beberapa strategi pembangunan perlu dilakukan, antaranya Pembangunan identiti diri, keluarga, masyarakat, sosiobudaya, agama, ekonomi, politik dan pentadbiran. Melalui strategi-strategi tersebut, diharap dapat membangun pendidikan insaniah dengan cara memperkasakan pengetahuan umat Islam tentang Tasawwur Islam melalui program-program berunsur kerohanian dan penguasaan ilmu secara meluas, berterusan dan bersepadan antara ilmu fardhu ‘ain dan fardhu kifayah. Dengan penguasaan

ilmu pengetahuan dan kemahiran, negara akan dapat melahirkan lebih ramai ilmuwan dalam pelbagai bidang kepakaran untuk pembangunan negara dan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu dalam semua bidang.

Strategi dan program yang dirancang bertepatan dengan 10 Prinsip Islam Hadhari yang dilaksanakan melalui pendekatan Hadhari untuk membangun jati diri modal insan sesuai dengan arus kemodenan dalam dunia globalisasi secara menyeluruh berasaskan pegangan dan kepercayaan yang teguh kepada nilai-nilai ketakwaan di samping menerima nilai-nilai universal yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam bagi menghasilkan budaya, kepercayaan dan moral hidup yang tinggi (Abdul Shukor 2006).

Ini selaras dengan pendapat Abu Bakar (2005) bahawa tujuan utama Islam dalam pembangunan ummah dapat disimpulkan dalam istilah *al-Falah* iaitu kebahagiaan atau kesejahteraan di dunia dan akhirat. Islam membangunkan seluruh potensi semula jadi manusia secara bersepada dan seimbang. Dengan kesepaduan dan keseimbangan ini, diharapkan terbentuklah individu dan masyarakat yang sentiasa menyedari dirinya sebagai hamba dan khalifah Allah.

Untuk membangun sebuah negara yang terancang, penyelidikan menjadi satu bidang kemahiran yang penting bagi membuat pelan tindakan pembangunan secara meluas. Oleh yang demikian, menurut Abdullah Md. Zin (2007), rakyat Malaysia yang berkemahiran dalam bidang penyelidikan, digalakkkan membanyakkan hasil kajian baru yang boleh dimanfaatkan dan memperluaskan hasil penyelidikan kepada produk ekonomi. Kepakaran ini pastinya akan menonjol peranan ilmuwan dan sumbangan mereka kepada pembangunan ummah serta berusaha menjadikan mereka model masyarakat bertamadun.

Bagi menjadikan pembangunan sebagai ibadah ia perlu memenuhi lima kriteria iaitu perlaksanaan hendaklah dengan niat baik untuk mencari keredaan Allah, pembangunan adalah sah atau halal di sisi Islam, pembangunan dilaksanakan mengikut syariat Islam, kesan pembangunan hendaklah positif untuk syiar dan tuntutan Islam serta memberi manfaat untuk rakyat dan perancangan dan perlaksanaan merujuk kepada perkara fardu asas dalam Islam (JAKIM 2004).

Secara umumnya pendidikan yang merupakan kata kunci dalam pembangunan manusia bagi membangun komuniti ummah melalui pembinaan sahsiah, pembinaan budaya penyayang, pembinaan jiwa patriotik dan pembinaan negara maju (Tajul Ariffin dan Nor'aini 2003). Natijahnya apabila komuniti yang unggul dibangun mengikut pendekatan bersepada pastinya akan melahirkan masyarakat madani (Anwar Ibrahim 1989), hadhari (Abdullah Ahmad Badawi 2007) dan adabi (al-Attas dalam Wan Mohd. Nor 2005) iaitu masyarakat yang seluruh kehidupannya berpaksikan akidah untuk menyelamat dan mengekalkan keharmonian ummah yang akan dibina hendaklah diletakkan pada asas acuan Malaysia.

## CABARAN DAN HARAPAN YANG MENDEPANI KONTEKS PENDIDIKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN DI MALAYSIA

Sejajar dengan kehendak perubahan arus pendidikan antarabangsa, Malaysia antara negara yang bersungguh-sungguh untuk memartabatkan sistem pendidikan, meningkatkan kualiti guru agar kedudukan mereka setaraf dengan guru-guru di peringkat dunia dan menjadikan institusi pendidikan sebagai tempat mesra pelajar. Ini bersesuaian dengan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Enam Teras Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006-2010) dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu membina negara bangsa, membangunkan modal insan, memperkasa sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan, memartabatkan profesion keguruan dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan (BPPDP 2006).

Menurut Ishak (2009), hal ini bersesuaian dengan konsep pembangunan modal insan yang diberi penekanan serius sejajar dengan perancangan negara maju dalam bidang sains dan teknologi berdasarkan acuan sendiri bagi memenuhi hasrat Wawasan 2020. Fenomena di Malaysia, dari sudut penggubalan dasar-dasar kerajaan amat baik, namun dari sudut penguatkuasaan dan pelaksanaannya masih lemah. Jelaslah berdasarkan konsep tersebut, bentuk modal insan yang dikehendaki oleh Malaysia merupakan satu pakej yang lengkap dari aspek keilmuan dunia dan akhirat bagi yang beragama Islam dan bagi yang bukan Islam mestilah mempunyai nilai-nilai moral yang tinggi.

Dalam merealisasikan sesuatu gagasan yang besar, pastinya pelbagai cabaran perlu dihadapi yang dilihat sebagai usaha yang menyumbangkan kepada kegagalan untuk meneruskan gagasan yang telah dirancang dan dilaksanakan. Antaranya cabaran-cabaran yang dikenal pasti adalah:

### Globalisasi

Globalisasi merupakan cabaran utama untuk membangunkan ketamadunan ummah. Desakan arus globalisasi yang melanda dunia pada hari ini menjadikan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) sebagai pemangkin. Menurut Zainab Ismail et. al (2002), arus globalisasi ini mampu memporak-perandakan nilai dan norma hidup masyarakat Islam sekiranya tidak ditangani dengan bijak. Justeru itu, pendidikan berperanan dalam melahirkan generasi yang mengamalkan ajaran Islam sebagai cara hidup, malahan mampu menggunakan media teknologi untuk tujuan meningkatkan penghayatan terhadap Islam dan tahap profesionalisme mereka.

Kebimbangan terhadap senario perkembangan ilmu dalam dunia pendidikan yang semakin mencabar hari ini perlu diambil perhatian oleh semua pihak disebabkan oleh pembangunan arus globalisasi dan modenisasi dalam dunia tanpa sempadan. Cabaran-cabaran tersebut cuba dijelaskan oleh Sidek Baba (2000) ke dalam pemikiran umat Islam hari ini, supaya sedar bahawa kemajuan yang semakin rancak dan kencang pergerakan arus pemodenannya telah lama menyusup masuk ke dalam kehidupan umat

Islam. Akibatnya, umat Islam mulai lalai dan menyisih diri dari kemajuan ilmu yang suatu ketika dulu mendominasi dunia keilmuan sejagat pada era keemasannya di zaman pemerintahan Bani Abbasiyyah.

Menurut Sidek Baba (2006), globalisasi yang membuka tirai abad ke-21 dijangka membawa kesan baru terhadap arah dan kebudayaan umat Islam. Bentuk penjajahan baru ini akan memberi implikasi langsung terhadap pembangunan minda dan gaya hidup dalam kalangan masyarakat Malaysia. Ini akan menggalakkan lagi konflik antara kelompok. Satu kelompok ingin mengukuhkan nilai-nilai murni dan Islam, manakala satu kelompok lagi bersifat menerima apa sahaja budaya yang datang dari Barat. Hal ini menyebabkan kekacauan dalam proses pembinaan budaya yang memerlukan proses mempertangkas kembali martabat umat Islam. Pendidikan dan pembangunan modal insan merupakan cara terbaik untuk menentukan keupayaan kita bertahan supaya kita tidak cair dengan arus globalisasi yang amat deras dan pantas.

Pendidikan berorientasi agama perlu diperluaskan. Hal ini tidak lagi hanya memberi tumpuan dalam batasan *ulum naqliyah* semata-mata, tetapi juga mendidik anak-anak tentang kepentingan akidah, ibadah, syariah dan akhlak. Tetapi asas-asas ini perlu digunakan untuk mengembang ilmu *tasawwur* dalam skop yang lebih luas dengan menyepadan mata pelajaran sains, matematik, teknologi, pengurusan dan ICT berkembang dalam bentuk nilai yang membina kesatuan antara ilmu wahyu dan disiplin ilmu akliyah (Sidek Baba 2006). Menurut beliau lagi, tradisi sains Islam di Andalusia dijadikan asas mengembangkan tradisi sains di Barat. Harus ada kepekaan yang mendalam dan usaha yang terancang agar sains dan agama dapat didominasi pada abad ini dengan mencari titik temu tentang pentingnya sains dikaitkan dengan agama dan pentingnya agama menghubungkan dirinya dengan sains. Jurang antara keduanya boleh membawa pertengangan yang merugikan umat manusia.

### **Pembangunan Diri Ummah**

Jika umat Islam tidak melakukan pembangunan semula diri berdasarkan perspektif agama, digniti umat Islam sebagai umat cemerlang dan dihormati akan hilang dan bakal menjadi sebahagian dari proses pembaratan. Kelemahan ini dilihat dari aspek kelesuan pemikiran dalam membina budaya ilmu dan membentuk kepimpinan yang boleh menjadi asas kekuatan pembangunan sesebuah negara. Menurut Muhammad Said Ramadan, umat Islam hari ini melalui sudut pandang cara berfikir dan keinginannya bagaikan berada dalam ruang graviti Barat. Ini bakal mencetuskan kecelaruan pemikiran sebenar ajaran Islam dalam diri mereka. Mereka melihat Barat lebih berkeupayaan mengangkat tamadun manusia daripada tamadun Islam. Menurut Khalif Muammar dan Adibah Mokhtar (2008), pembangunan semula tamadun Islam menuntut umat Islam supaya mengubah watak mereka yang pasrah, takut dan berjiwa hamba kepada watak yang kritis, bebas dan berani melakukan perubahan. Mana-mana bangsa yang memiliki watak dan jiwa merdeka ini akan mampu mengangkat martabat umat Islam dan membawa mereka ke persada dunia serta mampu bersaing dengan negara-negara Barat dalam segala bidang kemajuan.

Harapan yang tinggi diletakkan kepada kejayaan pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari dalam memperkasa pendidikan dalam pembangunan modal insan di Malaysia. Menurut Mohd Yusuf (2008), cabaran pembangunan hari ini perlu ditangani dengan memahami realiti semasa, tetapi penuh berprinsip dan berdasarkan kepada falsafah Islam yang utuh. Menghadapi senario yang berlaku masa kini, memerlukan kepada mereka yang berwawasan, tahu merancang secara strategik, berketerampilan, tahu melaksanakan muhasabah dan memantau prestasi diri dan ummah serta memiliki adab dan akhlak terpuji.

Dalam mencapai dan merealisasikan misi dan visi yang terkandung dalam Pendekatan Islam Hadhari terhadap pembangunan modal insan yang beracuankan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memfokuskan beberapa agenda pembangunan modal insan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK ke-9) iaitu mengadakan lebih banyak pilihan pendidikan kepada ibu bapa dan pelajar, meningkatkan keupayaan dan minat menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran, membentuk keterampilan dan keperibadian pelajar, memantapkan dan memperbaharui sistem penaksiran pelajar, membentuk keterampilan dan keperibadian guru dan membentuk keterampilan, keperibadian ibu bapa dan masyarakat. Menurut Mustapa (2007), usaha ini memberi rakyat berpeluang menuntut ilmu dan menimba kemahiran dengan lebih luas. Langkah ini dapat meningkat keupayaan pengetahuan dan membangun modal insan yang berkualiti melalui pembangunan ilmu, kemahiran, modal intelektual dan pembudayaan sikap progresif serta nilai etika moral yang tinggi.

Perluasan ilmu menurut JAKIM (2005) akan membentuk perubahan diri melalui pendidikan yang menghasilkan kehebatan diri, kemantapan akidah dan masyarakat *madani* yang maju dalam seluruh aspek kehidupan berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah sebagai teras panduan. Pembangunan modal insan hendaklah dijadikan agenda penting bagi melahirkan masyarakat berkualiti dan berwibawa dalam semua aspek kehidupan berlandaskan paradigma tauhid, syariat dan akhlak. Oleh yang demikian, Islam Hadhari dilihat berpotensi membantu dan berusaha menjadi laluan untuk mengawal serta merawat sebarang ajaran yang terpesong dan menyesatkan manusia dengan membimbang melalui kurikulum pendidikan yang bersepada.

Berasaskan harapan tersebut, program Islam Hadhari merangkumi pembangunan kesemua skop kehidupan manusia sejajar dengan Islam sebagai satu cara hidup (al-Din) iaitu Pembangunan Insan, Pembangunan Sosial, Pembangunan Ekonomi, Pembangunan Sains, Teknologi & TMK, Pembangunan Infrastruktur dan Pembangunan Mapan. Bagi menjadikan pembangunan sebagai ibadah ia perlu memenuhi lima kriteria iaitu perlaksanaan hendaklah dengan niat baik untuk mencari keredaan Allah, pembangunan adalah sah atau halal di sisi Islam, pembangunan dilaksanakan mengikut syariat Islam, kesan pembangunan hendaklah positif untuk syiar dan tuntutan Islam serta memberi manfaat untuk rakyat dan perancangan dan perlaksanaan merujuk kepada perkara fardu asas dalam Islam (JAKIM 2004).

## KESIMPULAN

Masyarakat Malaysia diharap berfikiran positif dan melihat jauh ke hadapan terhadap potensi yang boleh dimajukan dalam pembangunan insan melalui pendidikan yang berteraskan Pendidikan Islam. Umat Islam menghadapi cabaran globalisasi, caturan politik dunia yang sentiasa berubah pada era sains dan teknologi. Ini membawa keupayaan dan kekuatan dalaman umat Islam bagi membangun peradaban untuk memakmurkan dunia. Jika dikaji melalui sembilan elemen dalam cabaran Wawasan 2020, rakyat Malaysia perlu melakukan perubahan minda dan sikap untuk maju bagi melahirkan insan yang berhikmat, warga negara yang baik dan berkualiti untuk bersaing di peringkat persada dunia. Menurut Mustafa Abdul Rahman (2007) bagi melaksanakan visi pendekatan Islam Hadhari, kerajaan telah merangka fasa-fasa pelaksanaannya berdasarkan kepada situasi masyarakat, isu-isu serta keupayaan semua pihak untuk menghayati pendekatan ini. Ini kerana pembangunan berdasarkan modal insan yang ingin dibangunkan dalam Pendekatan Islam Hadhari tidak mudah untuk dicapai dalam masa yang singkat. Ianya melibatkan proses perubahan sikap dan budaya yang akan menyumbang kepada pengukuhan nilai-nilai ketamadunan dalam kehidupan seharian. Usaha yang murni ini perlu disambut baik oleh rakyat Malaysia bagi melahirkan sumber manusia atau modal insan yang cemerlang bukan hanya dalam bidang akademik sahaja, tetapi juga berbudi pekerti tinggi, beradab, berakhhlak mulia dan mengamalkan nilai-nilai murni yang seakan pupus dan semakin dilupai dalam masyarakat Malaysia mutakhir ini.

## RUJUKAN

- Abdul Fatah Hassan. 2007. *Mengenal Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Abdul Salam Yussof. 2003. *Imam al-Ghazali: Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Md. Zin. 2007. Ulul al-Bab: Pendekatan Islam Hadhari ke arah melahirkan modal insan terbilang. Kertas Kerja Seminar Ulul al-Bab. Anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Kuala Terengganu, 21 September.
- Abu Bakar Yang. 2005. Pembangunan meliputi perubahan sahsiah. Dlm. Abdul Monir Yaacob & Norhanizah Ismail (pnyt.). *Islam Hadhari: Himpunan Isu Kontemporari*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Abdul Shukor Hussin. 2006. *Prinsip Pertama: Keimanan dan Ketakwaan kepada Allah*. Putrajaya: Penerbit JAKIM.
- Abdullah Ahmad Badawi. 2007. *Islam Hadhari Approach: Towards a Progressive Islamic Civilisation*. Nazli Mohd. Ghazali (pnyt.). Putrajaya: Penerbit JAKIM.

- Ahmad Zahid Hamidi. 2008. Pendekatan Hadhari gagasan besar membina semula ketamadunan. *Jurnal Hadhari*. Edisi Khas: 9-15.
- Anuar Ibrahim. 1989. *Menangani Perubahan*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP). 2006. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Ed. Pelancaran. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Dusuki Ahmad. 1987. *Ikhtisar perkembangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gamal Abdul Nasir. 2003. *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ishak Saat. 2009. *Pendidikan Negara Bangsa Malaysia*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2004. *Konsep Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Penerbit JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2005. *Islam Hadhari: Satu Penjelasan*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Penerbit JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2007. *Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari di Agensi-agensi Kerajaan*. Pekeling Am Bilangan 2. Kuala Lumpur: Penerbit JAKIM
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2008. Latarbelakang Pendekatan Islam Hadhari. *Buletin Hadhari Bil.1*. September: 4.
- Jayaudin Jamaudin. 1995. *Sejarah Islam Bani Umayyah*. Kuala Lumpur: ELMAN.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006a. *Buku Panduan Pelaksanaan Model-Model Pengajaran dan Pembelajaran Kurikulum j-QAF Tahun 1*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006b. *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF*. Cet. ketiga. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Khalif Muammar & Adibah Mukhtar. 2008. Pembangunan semula tamadun Islam: halangan dan cabarannya dalam konteks alam Melayu. Dlm. Mazlan Ibrahim (pnyt.). *Islam Pasca Kemerdekaan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.

- Khalijah Mohd. Salleh. 2007. Pemikiran dalam pembangunan modal insan. Kertas kerja Wacana Hadhari siri kedua. Anjuran Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 20 November.
- Mahayudin Yahaya. 2000. *Tamadun Islam*. Shah Alam: Fajar bakti Sdn Bhd.
- Maimun Aqsha Lubis. 2007. *The Implementation of Integrated Islamic Education*. Islamic Education Programme, Faculty of Education, National University of Malaysia.
- Maimun Aqsha Lubis. 2008a. *Perbandingan antara falsafah pendidikan Barat dengan falsafah pendidikan Islam*. Faculty of Education, National University of Malaysia.
- Maimun Aqsha Lubis. 2008b. Penilaian Kurikulum j-Qaf di Sekolah Kebangsaan dan Pembangunan Model Pengajaran dan Pembelajaran j-Qaf yang Berkesan. Laporan projek penyelidikan FRGS. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia & Kementerian Pengajian Tinggi.
- Maimun Aqsha Lubis. 2009. Pembangunan Perisian Kurikulum Program j-QAF. Laporan projek penyelidikan Geran Universiti Penyelidikan (GUP). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Kamil Abdul Majid, Rahimin Affandi Abd. Rahim & Muhammed Yusof. 2008. Pembangunan modal insan di Malaysia: Analisis terhadap Pendekatan Islam Hadhari selepas 50 tahun negara mencapai kemerdekaan. Dlm. Mazlan Ibrahim & Kamaruddin Salleh (pnyt.). *Islam Pasca Kemerdekaan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mohd. Yusof Othman. 2006. Isu-Isu yang menghalang kelancaran pelaksanaan Islam Hadhari. *Prosiding Konvensyen Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan*, hlm. 208.
- Mohd. Yusof Othman. 2008. Gagasan Pendekatan Islam Hadhari untuk realiti masyarakat kini. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*: 29-52.
- Mustafa Abdul Rahman. 2007. Pelan strategik pelaksanaan 5 tahun Islam Hadhari: perancangan dan pemantauan. *Prosiding Konvensyen Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan 2006*, hlm. 208.
- al-Na'miy, Abdullah al-Amin. 1994. *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*. Terj. Mohd. Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- al-Qarashi, Baqir Sharif. 2003. *Seni mendidik Islami*. Jakarta: Pustaka Zahra
- al-Qaradawi, Yusuf. 1998. *al-Quran berbicara tentang akal dan ilmu pengetahuan (Terjemahan)*. Jakarta: Gema Insani.

- Sidek Baba. 2000. Integrated Knowledge in the Tawhidic Curriculum. *Muslim Education Quarterly* 17(2): 15-29.
- Sidek Baba. 2006. *Prinsip Keempat: Penguasaan ilmu pengetahuan*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Sufean Hussin. 2004. *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem Dan Falsafah*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Nordin & Nor'aini. 2002. *Pendidikan dan pembangunan manusia: pendekatan bersepadu*. Selangor: Penerbit As-Syabab Media.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamimasi*. Bangi: Universiti Malaya.
- Zainab Ismail, Rosseni Din & Aidah Abdul Karim. 2002. Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Dalam Arus Globalisasi. *Prosiding Wacana pendidikan Islam (Siri 1): Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Menghadapi Cabaran Era Globalisasi*: hlm. 109-119.